

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai data yang lengkap berkaitan dengan penglibatan golongan belia dengan pertanian, penternakan dan perikanan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini MAFI mempunyai pangkalan data dalaman bagi penerima Geran Agropreneur Muda sejak tahun 2016 hingga kini. MAFI melalui Unit Agropreneur Muda sehingga kini menyimpan data meliputi 7,528 penerima Geran Agropreneur Muda yang telah menerima bantuan bernilai RM134.29 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,946 orang atau 39.1% terlibat dalam bidang tanaman dan 2,513 orang atau 33.4% terlibat dalam bidang industri makanan. Manakala, 1,457 orang atau 19.4% terlibat dalam bidang ternakan dan 612 orang atau 8.1% terlibat dalam bidang perikanan.

MAFI juga telah menerbitkan data ini melalui buku Inspirasi Agropreneur Muda yang memuatkan infografik data Geran Agropreneur Muda dan kisah-kisah kejayaan agropreneur muda sepanjang tahun 2016 hingga 2020 untuk dijadikan sumber rujukan rasmi kepada semua pihak termasuk para akademik, pertubuhan belia, agensi-agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buku ini boleh didapati secara atas talian melalui portal MAFI.

Bagi memperkuuhkan lagi data penerima Geran Agropreneur Muda, MAFI kini sedang membangunkan Sistem Geran Agropreneur Muda atau e-GAM yang dijangka siap pada bulan Februari 2022. Sistem ini bukan sahaja bertujuan untuk memudahkan golongan muda untuk memohon bantuan geran secara atas talian, malah membolehkan MAFI menjalankan pemantauan projek-projek agropreneur muda ini dengan lebih efisien.

Sekian, terima kasih.